

SIASATAN ADUAN DAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

25 September 2021, MELAKA - Unit aduan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan siasatan aduan pembakaran terbuka di kawasan Paya Dalam, Jasin dan Taman Pulau Indah, Durian Tunggal, Melaka.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat aktiviti pembakaran terbuka dilakukan semasa siasatan. Pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka mengeluarkan amaran dan mengarahkan pemadaman serta merta kepada penduduk kampung yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka di kawasan Paya Dalam, Jasin. Selain itu, pemantauan susulan pada waktu malam juga dilakukan bagi memastikan tiada pembakaran terbuka berulang di Taman Pulau Indah, Durian Tunggal. Unit aduan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka akan mengenalpsti lokasi strategik bagi menempatkan papan tanda larangan pembakaran terbuka di kawasan Merlimau, Melaka.

Jabatan ini ingin menegaskan bahawa jika didapati bersalah melakukan aktiviti pembakaran terbuka, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan kompaun maksimum sebanyak RM 2,000.

Aduan orang awam berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama